

IPOH, 14 JUN (BERNAMA) — SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PERCAYA BAHAWA SATU PENYELESAIAN BOLEH DICAPAI BAGI MASALAH YANG TIMBUL DARI PERTANDINGAN BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DI ANTARA DATUK MUSA HITAM DAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

+KAMI AKAN CUBA MENGATASI MASALAH ITU,+ KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS PULANG HARI INI KE KUALA LUMPUR UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN MAJLIS TERTINGGI UMNO. SEMALAM BELIAU MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DAN MERASMIKAN KONVENSYEN UMNO NEGERI DI SINI.

+SEBAGAIMANA YANG DIKATAKAN OLEH ENCIK GHAFAR BABA (NAIB PRESIDEN UMNO DAN SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL) KAMI MESTI MENCARI PENYELESAIAN DALAM HAL INI,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA DATUK MUSA DAN TENGGU RAZALEIGH MERUPAKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BIJAK.

+MEREKA AKAN SENTIASA BERKHIDMAT KEPADA UMNO,+ KATANYA.

APABILA DITANYA SAMADA SATU TOLAKANSUR AKAN DIKEMUKAKAN, BELIAU BERKATA +SEBARANG PERKARA YANG MEMBAWA KEPADA PENYELESAIAN BOLEH DIANGGAP SEBAGAI TOLAKANSUR.+ — BERSAMBUNG 1050/MK

B517

MAHATHIR 2 IPOH

APABILA DITANYA SAMADA BELIAU SEBAGAI BAKAL PRESIDEN UMNO AKAN MENAWARKAN SATU TOLAKANSUR ATAU PUN MENYERAHKAN KEPADA DATUK HUSSEIN ONN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN, BELIAU BERKATA: +DALAM TRADISI UMNO, KAMI AKAN MENGIKUT KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG.+

+KAMI AKAN MEMPASTIKAN BAHAWA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN ITU DILAKSANAKAN,+ KATANYA.

MENGENAI SAMADA BELIAU AKAN MELEPASKAN JAWATAN PENERUSI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO PERAK, BELIAU BERKATA +KEPUTUSAN TERSEBUT AKAN DIBUAT PADA MASA YANG TEPAT,+ KATANYA. — BERNAMA 1054/MK